

## **BAB 4**

### **SKIM DANA WAKAF DI MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG**

#### **4.1 Pendahuluan**

Bab ini akan menerangkan mengenai latar belakang penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) selaku pemegang amanah kepada Skim Dana Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Bab ini turut menjelaskan mengenai objektif, struktur pentadbiran Majlis dan fungsi-fungsinya sebagai institusi agama yang berperanan dalam mengurus dan membangunkan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Selanjutnya, bab ini akan mengupas mengenai Skim Dana Wakaf yang merupakan fokus kajian, dari sudut latar belakang penubuhan, objektif penubuhan, konsep pelaksanaannya dan kelebihan Skim Dana Wakaf. Turut dibincangkan adalah mengenai corak pengurusan Skim Dana Wakaf yang dijalankan dan peranannya dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

#### **4.2 Sejarah Penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang**

Sebuah Lembaga Penasihat Ugama Islam telah ditubuhkan sebelum penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai, iaitu sebelum negara ini mencapai kemerdekaan. Lembaga ini diamanahkan sebagai penasihat kepada Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertua Agong Negeri Pulau Pinang mengenai hal ehwal Agama Islam bagi Negeri Pulau Pinang. Antara tugas yang dipertanggungjawabkan kepada Lembaga ini adalah mengkaji dan mengesyorkan supaya ditubuhkan sebuah

badan yang bertanggungjawab sepenuhnya mengenai hal ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang<sup>1</sup>.

Dalam tahun 1957, setelah negara mencapai kemerdekaan, satu Jawatankuasa Khas telah dilantik semula oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jawatankuasa khas ini telah mengkaji dari semua aspek dalam usaha ke arah penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Seberang Perai. Akhirnya Jawatankuasa Khas ini telah bersetuju dan mengesyorkan supaya diwujudkan undang-undang untuk membolehkan penubuhan Majlis Agama Islam, Pulau Pinang dan Seberang Perai<sup>2</sup>.

Dengan usaha yang gigih ahli-ahli Jawatankuasa Khas ini serta dengan kerjasama Kerajaan Negeri Pulau Pinang, akhirnya pada 15hb. April 1959, satu Undang-Undang bagi membolehkan penubuhan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang. Undang-undang ini telah dinamakan Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959<sup>3</sup>.

Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959 dalam seksyen 89(2) juga telah memperuntukkan bahawa semua harta wakaf yang dahulunya ditadbir oleh *Muslim and Hindu Endowments Board* (MAHEB) sekitar tahun 1950-an sebelum ini agar diambil alih oleh MAINPP. Walau bagaimanapun, bermula pada 1 Januari 1967, barulah kuatkuasa pengambilalihan secara menyeluruh pentadbiran tanah wakaf dapat dilaksanakan. Ini berikutan percanggahan peruntukan dalam *Muslim and Hindu*

---

<sup>1</sup> Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, h.1-7

<sup>2</sup> *Ibid.*

<sup>3</sup> *Ibid.*

*Endowments Board Ordinance Caps. 175* mengenai wakaf dan khairat orang Islam dimansuhkan<sup>4</sup>.

Selain itu berdasarkan Undang-Undang Pentadbiran Ugama Islam Tahun 1959, turut menyatakan tujuan penubuhan MAINPP adalah untuk menasihati Duli Yang Maha Mulia Yang Di Pertua Agong dalam perkara berkaitan dengan Agama Islam di Pulau Pinang. Sehubungan itu, MAINPP berperanan dalam mendidik masyarakat Islam agar menjadi masyarakat yang beriman, bertakwa dan dinamis dengan menjadikan Islam sebagai cara hidup. MAINPP juga berperanan untuk menegakkan keadilan mengikut hukum-hukum Islam serta mengawal dan membasmi murtad, bida'ah, kemungkaran, maksiat, khurafat dan fikiran-fikiran yang menjejaskan kesucian Islam. Bidang kuasa yang diperuntukan ini selaras dengan tanggungjawab MAINPP untuk memaju, menggalak, memudah dan mengusahakan pembangunan ekonomi dan sosial serta kesejahteraan umat Islam di Negeri Pulau Pinang berlandaskan hukum syara'<sup>5</sup>.

#### **4.2.1 Objektif Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang**

Sebagai institusi agama di Pulau Pinang, MAINPP menggariskan visinya bagi menjadi sebuah institusi yang unggul berteraskan konsep Muamalah Islam demi kesejahteraan ummah. Misi yang dipegang pula adalah "merealisasikan pengurusan Baitulmal yang bertaraf dunia melalui sistem pengurusan dan pentadbiran yang efisien serta efektif"<sup>6</sup>.

---

<sup>4</sup> Fakhruddin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah (2008), "Pembangunan Harta Wakaf di Pulau Pinang", *Prosiding Konvensyen Kebangsaan Pengurusan Harta Pusaka, Wasiat & Wakaf* pada 18-19 Oktober 2008, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), bil. 6, h.113-132

<sup>5</sup> Majlis Agama Islam dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang, *op.cit.*, h.1-7

<sup>6</sup> Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, <http://www.mainpp.gov.my/artikel/sejarah.htm>, 10 Oktober 2010

#### 4.2.2 Struktur Pentadbiran dan fungsi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang

MAINPP diketuai oleh Yang Di Pertua dan dibantu oleh Timbalan Yang Di Pertua, Setiausaha dan Pengurus Baitulmal<sup>7</sup>. Struktur pentadbiran MAINPP mempunyai enam bahagian utama. Bahagian-bahagian tersebut dipecahkan berdasarkan pengkhususan bidang kerja masing-masing, iaitu:

(a) Bahagian Pentadbiran dan Kewangan

Bahagian ini bertanggungjawab memastikan pengurusan kewangan dan pengagihan sumber Majlis dilaksanakan dengan cekap mengikut prosedur dan peraturan. Di samping, memastikan pembangunan dan pelaksanaan sistem pengurusan dan maklumat yang berkualiti dan efisien bagi mencapai tahap prestasi perkhidmatan yang cemerlang<sup>8</sup>.

(b) Bahagian Akaun

Bahagian ini pula ditugaskan bagi menguruskan perakaunan MAINPP mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan. Bahagian ini juga berperanan sebagai perancang pelaburan dengan menganalisa dan mengenalpasti pelaburan-pelaburan baru dan sumber-sumber penjana hasil<sup>9</sup>.

(c) Bahagian Sumber Am

Bahagian ini berperanan bagi memelihara kebajikan, kedudukan dan ekonomi masyarakat Islam Negeri Pulau Pinang melalui pembangunan tanah-tanah wakaf<sup>10</sup>.

---

<sup>7</sup> *Ibid.*

<sup>8</sup> Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, <http://www.mainpp.gov.my/artikel/fungsipk.htm>, 10 Oktober 2010

<sup>9</sup> Bahagian Akaun Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, <http://www.mainpp.gov.my/artikel/fungsiakaun.htm>, 10 Oktober 2010

<sup>10</sup> Bahagian Sumber Am Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, <http://www.mainpp.gov.my/artikel/fungsiSA.htm>, 10 Oktober 2010

(d) Bahagian Pembangunan dan Pelaburan

Bahagian ini bertindak membangunkan hartanah MAINPP di samping melaksanakan pelaburan untuk meningkatkan pendapatan daripada hartanah tersebut. Selain itu, bahagian ini dipertanggungjawabkan bagi mengenalpasti dan membantu MAINPP dalam melaksanakan dasar-dasar berkaitan dengan aktiviti-aktiviti pembangunan yang berhubungkait dengan keagamaan<sup>11</sup>.

(e) Bahagian Wakaf

Bahagian ini berperanan menyelenggara dan mentadbir harta wakaf dengan baik selaras dengan fungsi Majlis Agama Islam sebagai pemegang amanah kesemua wakaf, mengumpul maklumat dan data-data berkenaan harta-harta wakaf dan sumber am dan mengenalpasti tanah-tanah wakaf yang belum didaftarkan<sup>12</sup>.

(f) Bahagian Undang-undang

Bahagian ini memastikan pelaksanaan operasi, aktiviti, dasar-dasar dan polisi-polisi MAINPP dilaksanakan mengikut peraturan dan undang-undang yang berkuatkuasa dan menurut Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Pulau Pinang 2004<sup>13</sup>. Rajah 4.1 menjelaskan mengenai struktur pentadbiran MAINPP<sup>14</sup>.

---


<sup>11</sup> Bahagian Pembangunan dan Pelaburan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, <http://www.mainpp.gov.my/artikel/fungsipp.htm>, 10 Oktober 2010

<sup>12</sup> Bahagian Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, <http://www.mainpp.gov.my/artikel/fungsiwfk.htm>, 10 Oktober 2010

<sup>13</sup> Bahagian Undang-undang Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, <http://www.mainpp.gov.my/artikel/fungsiuu.htm>, 10 Oktober 2010

<sup>14</sup> Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, [http://www.mainpp.gov.my/image/carta%20mainpp%202010\(web\).pdf](http://www.mainpp.gov.my/image/carta%20mainpp%202010(web).pdf), 10 Oktober 2010

**Rajah 4.1**  
**Struktur Pentadbiran Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang**



Sumber: Dipetik daripada Carta Organisasi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2010), <http://www.mainpp.gov.my/image/CARTA%20ORGANISASI%202011.pdf>, 10 Oktober 2010

### **4.2.3 Piagam Pelanggan Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang**

Sebagai langkah bagi memberi komitmen dengan perkhidmatan yang telus, cekap dan berkualiti kepada semua pelanggan, MAINPP telah menggariskan piagam pelanggan.

Antara piagam pelanggan dalam pengurusan berkaitan wakaf adalah:

- (a) Menerima segala serahan kepada baitulmal dengan amanah dan menguruskannya dengan cekap dan sempurna.
- (b) Memastikan projek-projek pembangunan MAINPP dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.
- (c) Memastikan pungutan sewa ke atas semua premis MAINPP dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.
- (d) Menerima bayaran hasil dan mengeluarkan resit dengan serta merta.

- (e) Menyediakan penyata kewangan MAINPP yang lengkap dan teratur sebelum 31 Mei setiap tahun.
- (f) Melayan setiap aduan dan memastikan tindakan segera diambil ke atas aduan tersebut dalam tempoh satu (1) minggu.
- (g) Memastikan setiap pertanyaan daripada pelanggan dilayan dengan mesra, tepat dan jelas.

Piagam yang digariskan juga bertujuan melancarkan pengurusan wakaf agar matlamat MAINPP sebagai badan yang bertanggungjawab dalam membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang dapat dilaksanakan sebaiknya<sup>15</sup>.

#### **4.3 Penubuhan Skim Dana Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang**

Pembangunan harta wakaf di Negeri Pulau Pinang mendapat sumber pembiayaan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan menerusi Rancangan Pembangunan Jangka Panjang (Rancangan Malaysia) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana peranan MAINPP dalam menjamin dasar dan kepentingan masyarakat Islam di Pulau Pinang. Selain itu, sumber-sumber kewangan daripada sektor swasta turut dipergiatkan. Sehubungan itu, MAINPP menyedari bahawa kewujudan sumber wakaf MAINPP sendiri dapat melancarkan lagi pembangunan wakaf MAINPP mengikut acuan MAINPP sendiri<sup>16</sup>.

---

<sup>15</sup> Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, <http://www.mainpp.gov.my/artikel/piagam.htm>, 10 Oktober 2010

<sup>16</sup> Fakhruddin Abdul Rahman dan Mohamad Salleh Abdullah (2008), *op.cit.*,h.113-132

### **4.3.1 Latar Belakang Penubuhan Skim Dana Wakaf**

Pada 30 Disember 1994, Skim Dana Wakaf telah berjaya dilancarkan atas nama Skim Saham Wakaf Pulau Pinang. Idea Skim Saham Wakaf tersebut terhasil daripada kertas kerja yang bertajuk 'Saham Wakaf dan Wakaf Gantian', yang telah disampaikan oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Johor di Majlis Fatwa Kebangsaan pada tahun 1981<sup>17</sup>.

Namun begitu, Skim Saham Wakaf yang cuba diperkenalkan telah gagal mencapai objektifnya yang mensasarkan amalan wakaf secara berkelompok. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Saham Wakaf ketika itu telah menjalankan beberapa pemerhatian. Skim tersebut kemudiannya telah dicadangkan untuk dibuat pindaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Saham Wakaf pada 2 Januari 2002. Antara pindaan yang dilakukan adalah namanya dipinda kepada Skim Dana Wakaf serta beberapa pindaan lain dari segi objektif penubuhan, tatacara pengurusan dan modus operandi Skim Dana Wakaf tersebut. Akhirnya, pada 18 Oktober 2002 Skim Saham Wakaf telah berjaya diberi nafas baru dengan dikenali sebagai Skim Dana Wakaf<sup>18</sup>.

### **4.3.2 Skim Dana Wakaf Menurut Enakmen**

Skim Dana Wakaf yang diuruskan oleh Jawatankuasa Skim Dana Wakaf adalah tertakluk di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Negeri Pulau Pinang). Seksyen 92 (1), Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) Tahun 1993 telah memperuntukkan kuasa kepada MAINPP sebagai pemegang

---

<sup>17</sup> Ahmad Syah Firafizal (2010), Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010

<sup>18</sup> Ahmad Syah Firafizal (2002), "Cadangan Skim Dana Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang", (Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Saham Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang), bil 1/2002, 2 Januari 2002



amanah yang tunggal bagi semua wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas, yang berbunyi:

*"Walau apa pun apa-apa peruntukan yang berlawanan yang terkandung di dalam mana-mana suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan, mengawal atau menyentuh perkara itu, Majlis hendaklah menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi kesemua wakaf samada wakaf am atau wakaf khas, bagi kesemua nazar am dan kesemua amanah daripada segala perihal yang mewujudkan apa-apa amanah khairat bagi menyokong dan memajukan agama Islam atau bagi faedah orang-orang Islam mengikut Hukum Syara', setakat mana-mana hartabenda yang tersentuh olehnya dan terletak di dalam negeri ini, dan jika pemberi harta itu atau orang lain yang mewujudkan amanah, wakaf atau nazar am itu berdomisil di dalam negeri ini, setakat semua hartabenda yang tersentuh olehnya dimana-mana jua harta itu terletak"<sup>19</sup>.*

Peruntukan ini menjelaskan bahawa semua bentuk harta wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas dan segala jenis amanah termasuklah di sini Skim Dana Wakaf adalah tertakluk di bawah pengurusan MAINPP sebagai pemegang amanahnya<sup>20</sup>.

Enakmen tersebut juga membenarkan Majlis mentadbir wakaf yang sah yang tidak tertakluk kepada sebahagian daripada Kumpulan Wang Baitulmal dengan syarat wakaf itu digunakan mengikut wakaf yang ditetapkan, seperti mana yang telah diperuntukkan dalam Seksyen 96 (1) yang berbunyi:

*"Tertakluk kepada peruntukan subseksyen (2) dan (3) harta dan aset modal yang tersentuh oleh mana-mana wakaf atau nazar am yang sah tidak boleh menjadi sebahagian daripada Baitulmal, tetapi hendaklah digunakan menurut wakaf atau nazar am itu dan dipegang sebagai kumpulan-kumpulan wang yang berasingan"<sup>21</sup>.*

Selanjutnya dalam Seksyen 96 (2) dan 96 (3) telah menyatakan bahawa:

---

<sup>19</sup> *Malaysia States Enactment (1993)*, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam (Negeri Pulau Pinang), Bil.7/1993, Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang, bertarikh 28hb April 1994, Jil.38, Bahagian IX Perkara-Perkara Kewangan, Wakaf dan Nazar, h.93; Jabatan Agama Islam Pulau Pinang, <http://jaipp.penang.gov.my/epaipp1993.htm>, 10 Julai 2010

<sup>20</sup> Ahmad Syah Firaizal (2002), *op.cit*

<sup>21</sup> *Malaysia States Enactment (1993)*, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun Bil7/1993, *op.cit*, h.95

*"Jika, oleh sebab lampau masa atau perubahan hal keadaan, maka tidak mungkin lagi dan dijalankan secara berfaedah peruntukan-peruntukan tepat bagi mana-mana wakaf atau nazar am, Majlis hendaklah menyediakan suatu skim bagi menggunakan harta dan aset yang tersentuh olehnya dengan cara yang sehampir mungkin sama dengan yang dikehendaki oleh terma-terma wakaf atau nazar am itu, dan hendaklah menggunakannya dengan sewajarnya: Dengan syarat bahawa Majlis boleh mengarahkan supaya harta dan aset itu ditambahkan kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal"<sup>22</sup>.*

*"Jika terma-terma mana-mana wakaf atau nazar am itu tidak menyatakan cara penggunaan harta dan aset modal yang tersentuh olehnya, atau ada ketentuan tentang cara bagaimana ia hendak digunakannya, Majlis boleh mengarahkan supaya cara penggunaan harta dan aset modal itu ditambah kepada dan menjadi sebahagian daripada Baitulmal"<sup>23</sup>.*

Justeru daripada peruntukan-peruntukan tersebut, Majlis dibenarkan mentadbir wakaf yang tidak tertakluk kepada peruntukan Seksyen 96 (1) sebagai sebahagian daripada Kumpulan Wang Baitulmal Majlis, namun Majlis hendaklah menyediakan satu skim bagi menggunakan wakaf tersebut mengikut terma-terma yang ditentukan atau menentukan cara penggunaannya dengan jelas. Majlis juga boleh mengembangkan harta dan aset itu termasuk Skim Dana Wakaf dan menjadikannya sebahagian daripada Baitulmal sebagaimana yang diisyaratkan dalam seksyen 96 (2) dan 96 (3)<sup>24</sup>. Selain itu, merujuk kepada enakmen yang sama Seksyen 96 (4) yang berbunyi:

*"Segala suratcara yang mewujudkan, yang menjadi keterangan atau yang mewujudkan, yang menjadi keterangan atau yang menyentuh mana-mana wakaf atau nazar am beserta dengan mana-mana dokumen hakmilik atau cagaran lain yang berhubungan dengannya, hendaklah dipegang dan disimpan oleh Majlis".<sup>25</sup>*

Peruntukan di atas menyatakan bahawa menjadi tanggungjawab Majlis memegang dan menyimpan segala surat cara yang diwujudkan dan yang menyentuh mana-mana wakaf

---

<sup>22</sup> *Ibid.*

<sup>23</sup> *Ibid.*

<sup>24</sup> Ahmad Syah Firaizal (2002), *op.cit*

<sup>25</sup> *Malaysia States Enactment (1993)*, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun Bil7/1993, *op.cit*, h.95

atau nazar 'am, berserta mana-mana dokumen hakmilik atau cagaran lain yang berhubungan dengannya<sup>26</sup>.

Dalam enakmen yang sama, antara lain yang menyentuh mengenai pengurusan Skim Dana Wakaf, Seksyen 97 yang menjelaskan berkaitan "Pengertian suratcara" telah menyebut bahawa:

*"Jika pada pendapat Majlis makna atau natijah suratcara atau perisytiharan yang mewujudkan atau menyentuh mana-mana wakaf atau nazar adalah samar-samar atau tidak berketentuan, Majlis bolehlah merujuk perkara itu kepada Jawatankuasa Syariah bagi pendapatnya tentang makna atau natijah itu, dan hendaklah bertindak menurut apa-apa pendapat yang diberikan oleh Jawatankuasa itu".<sup>27</sup>*

Oleh yang demikian, berdasarkan peruntukan-peruntukan dalam enakmen ini, maka Majlis iaitu merujuk kepada MAINPP dibenarkan untuk mewujudkan satu skim seperti Skim Dana Wakaf ini, dengan tatacara pengurusan yang khusus dan modus operandinya yang berkaitan dengannya<sup>28</sup>.

Selepas ditubuhkannya, pihak Majlis yakni merujuk kepada MAINPP bertanggungjawab bagi menyediakan dan menyiarkan senarai aset dan pelaburan pada setiap hujung tahun. Ini dinyatakan dalam peruntukan dalam seksyen 100 "Hartabenda wakaf dan zakat":

*"Dengan seberapa segera yang mungkin selepas daripada 31 haribulan Disember tiap-tiap tahun Majlis hendaklah menyedia, mengeluarkan dan menyiarkan di dalam Warta satu senarai semua hartabenda-hartabenda, pelaburan-pelaburan dan aset yang terletakhak kepada Majlis tertakluk kepada mana-mana amanah, wakaf atau nazar, dan yang tidak menjadi sebahagian daripada Baitulmal"<sup>29</sup>.*

---

<sup>26</sup> Ahmad Syah Firaizal (2002), *op.cit*

<sup>27</sup> *Malaysia States Enactment (1993)*, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun Bil7/1993, *op.cit*, h.96

<sup>28</sup> Ahmad Syah Firaizal (2002), *op.cit*

<sup>29</sup> *Malaysia States Enactment (1993)*, Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang Tahun Bil7/1993, *op.cit*, h.96

Berdasarkan kepada peruntukan-peruntukan di atas, penubuhan Skim Dana Wakaf adalah sah dan dibenarkan. Sehubungan dengan itu, MAINPP perlu menyediakan satu tatacara pengurusan yang khusus dan modus operandi bagaimana dana-dana wakaf diperoleh dan ditadbir sepertimana yang telah disebut dalam enakmen tersebut<sup>30</sup>.

### 4.3.3 Objektif Penubuhan Skim Dana Wakaf

Antara matlamat utama Skim Dana Wakaf ditubuhkan, bertujuan untuk:

- (a) Melaksanakan ibadah wakaf secara berkelompok.
- (b) Melambangkan penyatuan dan kerjasama umat Islam berteraskan ukhuwwah Islamiah.
- (c) Melaksanakan strategi pembangunan hartanah wakaf dan ekonomi umat Islam secara lebih meluas, dinamik dan bersepadu.
- (d) Meluaskan saluran berkebajikan dengan sistematik dan berkesan.
- (e) Memberi alternatif kepada semua golongan umat Islam untuk turut menyumbang ke arah pembangunan sosio-ekonomi masyarakat Islam.
- (f) Melahir dan menzahirkan pembangunan institusi wakaf dengan lebih produktif dan berwibawa<sup>31</sup>.

Dalam objektif Skim Dana Wakaf tersebut, ternyata bahawa pembangunan ekonomi masyarakat Islam diberi perhatian yang khusus selain memenuhi tuntutan ibadah dan kebajikan umat Islam serta pembangunan institusi wakaf itu sendiri.

---

<sup>30</sup> Ahmad Syah Firafizal (2002), *op.cit*

<sup>31</sup> Laman Dana Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang, <http://119.110.108.120/dana/>, 10 Oktober 2010

#### 4.3.4 Kelebihan Skim Dana Wakaf

Skim Dana Wakaf ini merupakan salah satu bentuk *sadaqatul jariah* yang mana mempunyai pelbagai kelebihan, antaranya:

(a) Mudah dan praktikal

Rasionalnya, masyarakat Islam dapat menunaikan ibadah wakaf dengan mudah melalui Skim Dana Wakaf ini. Di samping itu, Skim Dana Wakaf membuka lebih banyak peluang kepada setiap lapisan masyarakat untuk terlibat bersama-sama memandangkan Skim Dana Wakaf tidak menetapkan had minima atau had maksima sumbangan. Para penyumbang dapat berwakaf mengikut kemampuan masing-masing berbanding dengan mewakafkan harta lain seperti tanah, bangunan dan lain-lain yang rata-ratanya tidak memiliki harta tersebut kerana nilainya yang tinggi. Oleh itu, masyarakat Islam berpeluang untuk menyertai Skim Dana Wakaf dan turut sama menyumbang kepada pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang<sup>32</sup>.

(b) Ganjaran Berkekalan

Skim Dana Wakaf ini dapat dijadikan medium bagi penyumbang untuk melibatkan diri menerusi amalan wakaf, bagi mendapat ganjaran pahala yang berterusan. Selagimana harta wakaf tersebut dimanfaatkan untuk kebaikan, ganjaran pahala akan diperolehi sama ada semasa penyumbang masih hidup atau selepas meninggal dunia. Ganjaran berkekalan ini dapat menggerakkan umat Islam untuk berlumba-lumba membuat amal jariah. Ini secara langsung dapat mengembangkan institusi wakaf dan mengukuhkan

---

<sup>32</sup> Ahmad Syah Firaizal (2002), *op.cit.*; lihat juga Laman Dana Wakaf MAINPP, <http://119.110.108.120/dana/>, 10 Oktober 2010

ekonomi umat Islam memandangkan, institusi wakaf dapat menjanakan pulangan yang lumayan kepada masyarakat Islam<sup>33</sup>.

(c) Lambang Kerjasama dan Perkongsian

Skim Dana Wakaf ini dapat menjadi lambang kerjasama dan kesepaduan umat Islam dalam membangunkan sosio-ekonomi masyarakat Islam. Manfaat daripada harta wakaf yang diperolehi melalui skim ini dapat dikongsi dan digunakan di kalangan masyarakat untuk meningkatkan taraf hidup dan sosioekonomi masyarakat Islam. Justeru, golongan yang tidak berada boleh mendapatkan manfaat dan kemudahan seperti pembiayaan perniagaan, bantuan pendidikan dan kesihatan, secara langsung mereka dapat memajukan diri dan keluarga dan demikian, tidak ketinggalan dalam pembangunan negara<sup>34</sup>.

(d) Mengekalkan Pemilikan Aset Masyarakat Islam

Antara kelebihan yang paling utama menerusi skim ini adalah usaha memastikan agar kelangsungan pemilikan aset masyarakat Islam secara berterusan. Usaha ini amat penting bagi menjamin kebaikan dan kebajikan generasi masyarakat Islam sekarang dan akan datang dengan memanfaatkan bersama harta wakaf tersebut berulang kali. Menerusi Skim Dana Wakaf, masyarakat Islam boleh memiliki aset penting di tempat-tempat yang strategik seperti premis-premis perniagaan yang dapat memberi peluang kepada masyarakat Islam untuk berniaga dan menyumbang kembali kepada Skim Dana Wakaf<sup>35</sup>.

---

<sup>33</sup> *Ibid.*

<sup>34</sup> *Ibid.*

<sup>35</sup> *Ibid.*


#### 4.4 Pengurusan Skim Dana Wakaf

Organisasi dan pengurusan Skim Dana Wakaf ini adalah penting dan merupakan nadi kepada skim ini. Ini memandangkan Skim Dana Wakaf sekiranya diuruskan dengan betul dan teratur, skim ini boleh memberikan pulangan yang baik secara berterusan justeru, menjadi sumber kekuatan pembangunan ekonomi masyarakat Islam.

##### 4.4.1 Sistem Pentadbiran Jawatankuasa Dana Wakaf

Semenjak awal penubuhannya, pengurusan Skim Dana Wakaf diselia dan diuruskan oleh Jawatankuasa Skim Dana Wakaf<sup>36</sup>. Jawatankuasa Skim Dana Wakaf ini ditubuhkan di bawah Arahan Amanah Kumpulan Wang Amanah Dana Wakaf MAINPP dan bernaung bawah Bahagian Wakaf MAINPP. Jawatankuasa Skim Dana Wakaf bertanggungjawab untuk mengurus, menyelaraskan dan mengawal aktiviti-aktiviti Skim Dana Wakaf. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Skim Dana Wakaf telah melantik Penolong Pegawai Ehwat Ekonomi Wakaf sebagai Pengurus Skim Dana Wakaf. Rajah 4.2 menunjukkan struktur pengurusan Skim Dana Wakaf<sup>37</sup>.

Rajah 4.2  
Struktur Pengurusan Skim Dana Wakaf



Sumber: Dipetik daripada Carta Organisasi Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (2010), <http://www.mainpp.gov.my/image/CARTA%20ORGANISASI%202011.pdf>, 10 Oktober 2010

<sup>36</sup> Setelah ditukar nama daripada Jawatankuasa Saham Wakaf. (Rujukan *Ibid.*)

<sup>37</sup> *Ibid.*

Pengurus Skim Dana Wakaf dipertanggungjawabkan sebagai perancang, pengurus dan pelaksana dalam segala hal ehwal yang berkaitan Skim Dana Wakaf<sup>38</sup>. Bagi melicinkan kerja-kerja merekod, menyelaraskan dan menyemak akaun Skim Dana Wakaf yang disediakan secara khas, Pengurus Skim Dana Wakaf turut dibantu oleh kakitangan di Bahagian Akaun MAINPP. Tugas-tugas merekod ini kebiasaannya berjalan pada setiap bulan bagi menguruskan cek-cek yang diperolehi daripada majikan untuk pemprosesan potongan gaji kakitangan seperti yang telah ditetapkan oleh pewakaf sendiri. Jawatankuasa Skim Dana Wakaf mempunyai sistem pengurusan maklumat berkomputer bersepadu bawah Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP). Maklumat-maklumat penyumbang yang dikumpulkan mengikut daerah, jenis pekerjaan, usia, syarikat atau jabatan dan nilai sumbangan dikumpulkan bagi pengurusan dana wakaf. Setelah maklumat kutipan Skim Dana Wakaf direkodkan, wang tersebut kemudiannya akan diuruskan oleh Bahagian Wakaf bagi pembelian dan pengurusan aset wakaf<sup>39</sup>.

Manakala, bagi urusan kerja-kerja di luar pejabat seperti menjalankan promosi, kempen penerangan dan aktiviti kutipan Skim Dana Wakaf, Pengurus Skim Dana Wakaf dibantu oleh kakitangan dari Bahagian Wakaf MAINPP. Aktiviti penerangan dan promosi Skim Dana Wakaf sering dijalankan di pejabat-pejabat dan syarikat-syarikat sekitar Pulau Pinang<sup>40</sup>.

#### **4.4.2 Metodologi Pelaksanaan Skim Dana Wakaf**

Skim Dana Wakaf adalah satu skim jariah (wakaf) di mana orang ramai atau organisasi boleh menyumbangkan kepada Skim Dana Wakaf tanpa ditetapkan sebarang nilai

---

<sup>38</sup> Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

<sup>39</sup> *Ibid.*; Shahril Shahrom, Ketua Bahagian Pentadbiran & Kewangan dan Siti Nurbaya Osman, Pegawai Kerja Akaun Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Bilik Mesyuarat, Tingkat 7, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 11.00am, bertarikh 31 Mac 2010.

<sup>40</sup> *Ibid.*



minima atau had maksima. Sumbangan Skim Dana Wakaf dikumpulkan secara kolektif dalam sebuah tabung amanah "Dana Wakaf" dan kemudiannya dijadikan modal bagi membeli harta wakaf tidak alih (*'iqār*) seperti tanah, bangunan dan sebagainya<sup>41</sup>.

Mengikut konsep *Wakalah*<sup>42</sup>, MAINPP bertindak sebagai wakil kepada *wāqif* (penyumbang) bagi menukarkan wang tunai yang diwakafkan kepada mana-mana harta kekal. Penukaran wang tunai kepada sebuah aset kekal dilaksanakan menerusi pembangunan tanah wakaf yang sedia ada atau dalam pelaburan. Antara bentuk pelaburan ialah pembinaan bangunan pejabat atau kedai, pembelian perumahan swasta yang telah siap, pelaburan dalam perladangan, ternakan, perkilangan dan pelbagai aktiviti pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Penukaran wang tunai kepada harta yang bersifat kekal ini dinamakan sebagai *Badal*<sup>43</sup> atau ganti wang<sup>44</sup>.

Skim Dana Wakaf ini juga dikategorikan sebagai Wakaf Am dan Musytarak (kelompok)<sup>45</sup>. Wakaf Am bermaksud harta yang diwakafkan untuk kegunaan orang ramai dan untuk sebarang bentuk kebajikan. Manakala Wakaf Musytarak bermaksud penyatuan beberapa wakaf termasuklah wakaf yang diwujudkan melalui *istibdal* dan Skim Dana Wakaf.

---

<sup>41</sup> *Ibid.*

<sup>42</sup> *Wakalah* dari segi bahasa bermaksud (الحفظ) iaitu memelihara atau menjaga. Dari segi istilah fiqh bermaksud mendirikan atau menjaga hak orang lain seperti hak sendiri dalam sebarang bentuk transaksi (التصرف). Hukumnya adalah harus sekiranya dengan pengetahuan orang yang mewakilkan dan tidak bercanggahan dengan Syara'. (Rujukan Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyah (2006), *Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, Jil.45, Kūwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyah, h.5)


<sup>43</sup> *Badal* dari segi bahasa menggantikan sesuatu dengan sesuatu yang lain yang setara dengan yang asal. Diharuskan menukar atau mengganti sesuatu dengan sesuatu yang lain dengan syarat dilakukan oleh mereka yang mempunyai keahlian dalam urusan transaksi (التصرف) dan atas barang yang diharuskan oleh Syara'. Manakala dari sudut penukaran harta wakaf, mazhab Shāfi'ī, Mālikī, Hanāfi dan Hanbalī mengharuskan menukar harta wakaf yang tidak dapat dimanfaatkan dengan harta lain bagi mendapat manfaat daripadanya, dengan syarat nilai penukaran tersebut mestilah setara. (Rujukan Shams al-Dīn Muḥammad bin Abī al-'Abbās Aḥmad (t.w 1004H), *Nihāyah al-Muhtāj ilā Sharḥ al-Minhāj*, Jil.5, Meşir: Maktabah Muṣṭofa al-Babī al-Ḥalabī (1938), h.390-392; Al-Dusūqī, Shams al-Dīn Muḥammad 'Arfaḥ (t.t), *Ḥashiyah al-Dusūqī 'alā Sharḥ al-Kabīr*, j.4, 'Isā al-Babī al-Ḥalabī, h.87; Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyah (2004), *Al-Mausū'ah al-Fiqhiyyah*, Jil.1, Kūwait: Wizārah al-Awqāf wa al-Shū'un al-Islāmiyah, C. ke-5, h.140)

<sup>44</sup> Ahmad Syah Firafizal (2002), *op.cit*

<sup>45</sup> *Ibid.*

Rajah 4.3 secara ringkasnya menerangkan metodologi pelaksanaan Skim Dana Wakaf di Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang<sup>46</sup>. Di sini, MAINPP berperanan sebagai penerima dan pengumpul Skim Dana Wakaf daripada penyumbang. Seterusnya, MAINPP melaburkan dana yang terkumpul dalam sektor hartanah, perladangan dan penternakan. Skim Dana Wakaf yang dilaburkan sama ada menerusi pembangunan tanah wakaf yang sedia ada atau pelaburan kemudiannya dijadikan sebagai aset wakaf MAINPP dan diselia oleh Bahagian Wakaf MAINPP<sup>47</sup>.

Rajah 4.3  
Metodologi Pelaksanaan Skim Dana Wakaf



Sumber: Diubahsuai daripada Temubual dengan Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> *Ibid.*

#### **4.4.3 Metodologi Kutipan Skim Dana Wakaf**

Melalui Skim Dana Wakaf, para penyumbang perlu mengisi borang penyertaan yang mengandungi hujjah wakaf atau sighth yang melantik MAINPP sebagai wakil untuk mewakafkan harta mereka. Justeru, Jawatankuasa Skim Dana Wakaf telah mewujudkan beberapa bentuk saluran bagi memudahkan orang ramai mendapatkan borang tersebut, di samping, menghulurkan sumbangan Skim Dana Wakaf atau mendapatkan penerangan mengenainya. Antara bentuk-bentuk saluran yang disediakan adalah:

(a) Penyertaan melalui kaunter pejabat

Kaunter pejabat MAINPP yang disediakan sebagai kemudahan kepada para pelanggan bagi mendapatkan maklumat dan penerangan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh MAINPP, antaranya Skim Dana Wakaf. Di samping itu, para penyumbang boleh melakukan sumbangan Skim Dana Wakaf di kaunter tersebut dengan mengisi borang penyertaannya. Resit rasmi akan dikeluarkan terus sebagai akuan penerimaan. Kaunter-kaunter pejabat ini terletak di Tingkat 7 dan 8, Menara UMNO, Jalan Macalister, 10400, Pulau Pinang. Sumbangan Skim Dana Wakaf boleh dihulurkan kepada Pengurus Skim Dana Wakaf atau kakitangan MAINPP yang bertugas di kaunter tersebut. Selain itu, penyumbang juga boleh mengunjungi kaunter lain di Pusat Urus Zakat (PUZ) di bahagian Seberang Perai selaku wakil Pengurus Skim Dana Wakaf, yang beralamat di 65, Jalan Selat, Taman Selat, 12000, Butterworth, Seberang Perai, Pulau Pinang. Kaunter-kaunter ini dibuka seperti biasa pada waktu pejabat, mengikut waktu-waktu pejabat yang telah ditetapkan, iaitu hari Isnin sehingga

Khamis; pada pukul 8.30 pagi–12.00 tengah hari dan 2.30 petang–3.30 petang, dan pada hari Jumaat; pada pukul 8.30 pagi–12.00 tengah hari dan 2.45 petang–3.30 petang<sup>48</sup>.

(b) Penyertaan melalui kaunter bergerak

Kaunter bergerak diadakan bertujuan memberi penerangan kepada orang ramai mengenai Skim Dana Wakaf di samping, memberi kemudahan kepada orang ramai untuk melakukan sumbangan Skim Dana Wakaf secara langsung. Pengurus Skim Dana Wakaf akan bergerak dari lokasi ke lokasi sekitar Pulau Pinang bagi menemui secara langsung dengan penyumbang yang ingin mendapatkan penerangan atau melakukan sumbangan Skim Dana Wakaf. Manakala penerangan yang berbentuk pameran dan ceramah pula dilaksanakan apabila Bahagian Skim Dana Wakaf mengadakan atau melibatkan diri dengan program tersebut. Kebiasaannya, penerangan yang berbentuk ceramah dan pameran ini diadakan di bangunan-bangunan pejabat bagi menggalakkan orang ramai menyumbang secara berterusan menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf<sup>49</sup>.

(c) Penyertaan menerusi bayaran Wang Pos

Sumbangan Skim Dana Wakaf juga boleh dilakukan melalui pembayaran wang pos dengan mengisi borang wang pos yang boleh didapati di setiap pejabat pos daerah. Sumbangan Skim Dana Wakaf perlu dialamatkan atas nama Skim Dana Wakaf, MAINPP. Setelah sumbangan Skim Dana Wakaf berjaya diproses, MAINPP bertindak mengeluarkan resit sumbangan Skim Dana Wakaf yang dihantar ke rumah penyumbang

---

<sup>48</sup> *Ibid.*; Ahmad Syah Firafizal (2002), *op.cit.*

<sup>49</sup> *Ibid.*

sebagai akuan penerimaan. Selain itu, penyumbang juga boleh menyemak sumbangan Skim Dana Wakaf mereka menerusi laman web Skim Dana Wakaf<sup>50</sup>.

(d) Penyertaan menerusi pesanan wang atau cek

Penyumbang Skim Dana Wakaf yang membuat bayaran menerusi pesanan wang atau cek di mana-mana cawangan bank atau pejabat pos di Malaysia, Borang Masuk Bank adalah sebagai bukti penerimaan bayaran. Pihak bank akan menghantar borang-borang penyertaan ini kepada MAINPP kerana borang tersebut merupakan surat wakaf. Setelah sumbangan Skim Dana Wakaf berjaya diproses, MAINPP akan mengeluarkan resit sumbangan Skim Dana Wakaf yang dihantar ke alamat penyumbang sebagai akuan penerimaan<sup>51</sup>.

(e) Penyertaan menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf

Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf telah dilaksanakan secara beransur-ansur bermula tahun 2006 sehingga kini. Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf merupakan instrumen kutipan yang telah berjaya mengumpulkan kutipan tertinggi Skim Dana Wakaf<sup>52</sup>.

MAINPP menyediakan Manual Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf<sup>53</sup> sebagai rujukan para penyumbang sebelum mendaftar untuk menyertai Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf. Manual ini disediakan di kaunter pejabat MAINPP dan juga menerusi laman web MAINPP. Bagi proses pendaftaran, penyumbang

---

<sup>50</sup> *Ibid.*; lihat juga Laman Dana Wakaf MAINPP, <http://119.110.108.120/dana/>, 10 Oktober 2010

<sup>51</sup> *Ibid.*

<sup>52</sup> *Ibid.*; Ahmad Syah Firafizal, Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

<sup>53</sup> Manual Skim Potongan Gaji Bulanan dana Wakaf (2010), <http://119.110.108.120/dana/manual.pdf>, 10 Oktober 2010

mendaftar di kaunter MAINPP, kaunter Pusat Urus Zakat Pulau Pinang (PUZ) atau kaunter-kaunter promosi yang disediakan di tempat bekerja sekiranya ada. Penyumbang akan mengisi Borang Kebenaran Potongan Gaji Bulanan dan menyerahkannya kepada MAINPP bagi urusan selanjutnya. Jumlah potongan gaji boleh ditentukan oleh penyumbang sendiri mengikut Jadual Potongan Gaji Bulanan MAINPP dengan kadar minimanya RM 5.00 sebulan<sup>54</sup>.

Melalui Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf, sumbangan Skim Dana Wakaf akan diuruskan terus oleh pihak majikan dan MAINPP pada setiap bulan. Penyumbang akan menyemak sumbangan Skim Dana Wakaf masing-masing secara online di laman web Skim Dana Wakaf pada bila-bila masa. Setiap sumbangan Skim Dana Wakaf melalui skim potongan gaji ini dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967 dengan No. Rujukan: LHDN.01/35/42/51/179-1. Kod khas potongan gaji ini juga akan memudahkan penyertaan kakitangan-kakitangan awam. Selain menyediakan kemudahan kepada pewakaf, kaedah ini membantu pewakaf untuk berwakaf secara berterusan dengan hanya satu kelulusan transaksi untuk jumlah yang diperuntukan sendiri<sup>55</sup>.

Saluran-saluran yang disediakan bertujuan memudahkan orang ramai dan menggalakkan penyertaan semua lapisan masyarakat Islam di Pulau Pinang dalam Skim Dana Wakaf. Berbanding dengan kaedah saham wakaf, pengurusan Skim Dana Wakaf lebih mudah dan mesra<sup>56</sup>.

---

<sup>54</sup> *Ibid.*; Ahmad Syah Firafizal, Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

<sup>55</sup> *Ibid.*

<sup>56</sup> Ini kerana kaedah penyertaan Saham Wakaf yang mana para penyumbang perlu membeli beberapa unit saham dalam nilai tertentu dan nilai saham tersebut perlu dicetak pada sekeping sijil sebelum diwakafkan sijil tersebut kepada Majlis Agama Islam Negeri. Rujukan *Ibid.*

#### **4.4.4 Promosi Skim Dana Wakaf yang dijalankan**

Bagi mempergiatkan kutipan dan agihan Skim Dana Wakaf, beberapa langkah promosi telah dilaksanakan. Antaranya adalah dengan menyediakan laman web Skim Dana Wakaf, promosi melalui media massa dan papan tanda iklan serta pelepasan daripada Cukai Pendapatan apabila menyertai Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf.

##### **(a) Penyediaan laman web Skim Dana Wakaf**

Laman web ini yang disediakan bertujuan bagi memudahkan penyumbang mendapat maklumat dari semasa ke semasa mengenai aktiviti-aktiviti dan laporan sumbangan Skim Dana Wakaf dengan lebih terperinci. Para penyumbang juga dapat menyemak sumbangan Skim Dana Wakaf sendiri secara online dan memuat turun borang-borang berkaitannya seperti Manual Skim Potongan Gaji Bulanan atau borang sumbangan Skim Dana Wakaf secara online. Tambahan lagi, para penyumbang turut dapat mengetahui perkembangan projek-projek yang telah dan sedang dilaksanakan menerusi sumbangan Skim Dana Wakaf<sup>57</sup>.

##### **(b) Promosi melalui media massa dan papan tanda iklan**

Promosi menerusi media massa seperti iklan di dalam surat khabar dan hebahan di radio dan papan tanda iklan di sekitar Pulau Pinang juga ada dilakukan. Namun, hebahan di radio hanya dilakukan apabila pegawai MAINPP dijemput untuk mengadakan Temubual di stesen-stesen radio dan tidak dilakukan secara berkala. Manakala iklan di

---

<sup>57</sup> *Ibid.*

surat khabar dan papan tanda iklan pula telah dikeluarkan kali terakhirnya pada tahun 2002 semasa pelancaran Skim Dana Wakaf<sup>58</sup>.

- (c) Pengecualian Cukai Pendapatan dengan menyertai Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf

Setiap sumbangan Skim Dana Wakaf melalui Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf dikecualikan daripada cukai pendapatan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Antaranya adalah kod potongan gaji daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dengan No. Kod Potongan: LHDN.01/35/42/51/179-1, Kerajaan Negeri dengan No. Kod Potongan: 4481 dan Jabatan Akauntan Negara dengan No.Kod Potongan: 4421. Pengecualian cukai pendapatan ini dapat menarik minat masyarakat Islam untuk melibatkan diri dalam Skim Dana Wakaf yang sudah pasti digunakan bagi membangunkan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang<sup>59</sup>.

#### **4.4.5 Pola Kutipan Skim Dana Wakaf**

Keseluruhan kutipan Skim Dana Wakaf yang berjumlah RM742,404.69 telah berjaya dikumpulkan dari tahun 2002 sehingga tahun 2009<sup>60</sup>. Kutipan ini diperoleh daripada sumbangan Skim Dana Wakaf orang ramai baik menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf ataupun menerusi kaunter, bayaran wang pos, pesanan wang dan cek. Rajah 4.4 menunjukkan jumlah kutipan Skim Dana Wakaf dari tahun 2002 sehingga 2009.

---


<sup>58</sup> *Ibid.*

<sup>59</sup> *Ibid.*

<sup>60</sup> *Ibid.*



Rajah 4.4  
Jumlah Kutipan Skim Dana Wakaf dari Tahun 2002 sehingga 2009



Sumber: Diubahsuai daripada Sistem Maklumat Bersepadu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan temubual dengan Ahmad Syah Firaizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.


Berdasarkan Rajah 4.4, terdapat peningkatan yang mendadak pada tahun 2005 yang direkodkan, iaitu sebanyak RM464,148.65 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Peningkatan mendadak ini adalah hasil kutipan sumbangan Skim Dana Wakaf yang diperoleh daripada program Konvensyen Skim Dana Wakaf peringkat kebangsaan yang telah dianjurkan oleh MAINPP. Konvensyen tersebut yang julung kali diadakan di Pulau Pinang, bertujuan bagi memperkenalkan dan menerangkan Skim Dana Wakaf kepada orang ramai. Konvensyen tersebut telah berjaya menarik agensi kerajaan dan swasta yang terlibat dalam program tersebut untuk turut menyumbang kepada Skim Dana Wakaf<sup>61</sup>.

Walau bagaimanapun, jumlah sumbangan Skim Dana Wakaf menyusut 64%, iaitu RM13,671.65 pada tahun 2007 dibandingkan dengan RM37,608.65 pada tahun 2006. Kekurangan tenaga kerja bagi menjalankan promosi dan aktiviti kutipan menyumbang kepada penyusutan kadar kutipan pada tahun tersebut. Pada tahun-tahun berikutnya, kutipan sumbangan Skim Dana Wakaf dilihat terus meningkat secara konsisten kepada

<sup>61</sup> *Ibid.*

RM 51,177.23 pada tahun 2008 dan RM61,315.00 pada tahun 2009. Kenaikan ini telah disumbang oleh kutipan menerusi skim potongan gaji berbanding dengan kutipan menerusi kaunter dan bayaran wang pos seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.5<sup>62</sup>.

Rajah 4.5  
Perbandingan jumlah kutipan menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan dengan kutipan menerusi Kaunter dan Bayaran Wang Pos dari tahun 2006 sehingga 2009



Sumber: Diubahsuai daripada Sistem Maklumat Bersepadu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan temubual dengan Ahmad Syah Firaizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

Daripada Rajah 4.5, kutipan menerusi skim potongan gaji telah berjaya merangsang kutipan secara berterusan dari tahun 2006 sehingga 2009. Skim potongan gaji yang mula dilancarkan pada tahun 2006 dengan jumlah kutipan RM280, terus meningkat kepada RM3,360 pada tahun 2007, RM14,762 pada tahun 2008 dan RM 55,519 pada tahun 2009<sup>63</sup>. Dalam tempoh 2007 sehingga 2009, kutipan menerusi Skim Potongan Gaji telah meningkat sebanyak 1552 peratus. Program penerangan dan taklimat yang diadakan di jabatan-jabatan kerajaan dan syarikat-syarikat swasta telah membuka peluang orang ramai untuk menyertainya dengan mudah. Di samping itu, kemudahan lain yang disediakan seperti sistem kod potongan gaji yang lebih mudah dan

<sup>62</sup>Ahmad Syah Firaizal, Pengurus Skim Dana Wakaf, Bahagian Wakaf, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 31 Mac 2010.

<sup>63</sup>*Ibid.*

pengecualian cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri turut menyumbang lebih ramai penyumbang untuk menyertainya<sup>64</sup>.

Berbanding dengan kutipan menerusi kaunter atau bayaran wang pos, didapati perubahan jumlah kutipannya menunjukkan keadaan turun naik yang mana penyusutan kutipan sebanyak 72 peratus pada tahun 2007 iaitu daripada RM37,828.65 pada tahun 2006 kepada RM10,311.65, kemudiannya meningkat pula secara mendadak 253 peratus pada tahun 2008 iaitu RM36,415.23 dan menyusut semula 84 peratus pada tahun 2009 dengan jumlah RM5,796. Hal ini disebabkan, kutipan menerusi bayaran di kaunter, kaunter bergerak mahupun bayaran wang pos lebih bergantung kepada aktiviti promosi dan penerangan yang dijalankan di kawasan orang ramai. Bangunan pejabat MAINPP yang terletak di kawasan bandar bahagian Pulau dan tempat letak kenderaan yang agak sesak menyukarkan orang ramai pergi ke bangunan MAINPP secara langsung untuk memberikan sumbangan Skim Dana Wakaf<sup>65</sup>.

Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Skim Dana Wakaf lebih menumpukan perhatian kepada aktiviti kutipan menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan. Usaha memperkembang Skim Potongan Gaji Bulanan Skim Dana Wakaf dijalankan di pejabat-pejabat kerajaan dan syarikat-syarikat swasta sekitar Pulau Pinang<sup>66</sup>. Rajah 4.6 pula menunjukkan jumlah kutipan Skim Potongan Gaji Bulanan mengikut tiga pecahan sektor utama bagi tahun 2009, iaitu sektor awam negeri, sektor awam sekutu dan sektor pendidikan. Sektor awam negeri merupakan penyumbang peratusan utama dengan 93 peratus, iaitu RM51,394 daripada keseluruhan kutipan menerusi skim potongan gaji pada tahun tersebut berjumlah RM55,519. Antara penyumbang bagi sektor awam negeri adalah kakitangan daripada Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri, Pejabat Daerah dan

---


<sup>64</sup> *Ibid.*

<sup>65</sup> *Ibid.*

<sup>66</sup> *Ibid.*

Tanah, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Unit Perancang Ekonomi Negeri. Kempen kesedaran dan penerangan yang dijalankan di premis-premis pejabat di sekitar Pulau Pinang dan kemudahan pembayaran berjaya menyumbang kepada peningkatannya secara berterusan<sup>67</sup>.

Rajah 4.6  
Kutipan Skim Potongan Gaji Bulanan mengikut sektor bagi tahun 2009



Sumber: Diubahsuai daripada Sistem Maklumat Bersepadu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan temubual dengan Ahmad Syah Firaizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.


Sementara, sektor awam sekutu mencatatkan kutipan 4 peratus daripada jumlah kutipan. Antaranya adalah Jabatan Pendaftaran Negara, Ibu Pejabat Polis, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Dalam Negeri, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri dan Jabatan Penerangan Malaysia Negeri di Pulau Pinang. Sektor pendidikan pula terdiri daripada kakitangan Jabatan Pelajaran, pusat-pusat pengajian awam dan swasta, kolej-kolej dan sekolah-sekolah sekitar Pulau Pinang, antaranya adalah Kolej Matrikulasi Pulau Pinang, Kolej Islam Teknologi Antarabangsa Pulau Pinang, Sekolah Kebangsaan Permatang Tok Mahat, Sekolah Kebangsaan Seri Bayu, Sekolah Kebangsaan Sungai Ara dan lain-lain lagi<sup>68</sup>.

<sup>67</sup> *Ibid.*

<sup>68</sup> *Ibid.*

Selain itu, trend penyumbang Skim Dana Wakaf menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan dapat dilihat mengikut jantina, umur dan kadar sumbangan yang diberikan. 52 peratus penyumbang adalah terdiri daripada perempuan manakala selebihnya pula adalah penyumbang lelaki seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.7<sup>69</sup>.

Rajah 4.7  
Penyumbang Skim Dana Wakaf Menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan  
Berdasarkan Jantina Bagi Tahun 2007-2009




Sumber: Diubahsuai daripada Sistem Maklumat Bersepadu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan temubual dengan Ahmad Syah Firaizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

Penyumbang terbesar merupakan penyumbang yang berumur dalam lingkungan 25 tahun sehingga 34 tahun. Kemudian diikuti penyumbang yang berumur dalam lingkungan 45 tahun hingga 54 tahun, dan 35 tahun hingga 44 tahun. Hal ini memandangkan golongan yang bekerja kebiasaannya dalam lingkungan umur 25 tahun hingga 54 tahun. Rajah 4.8 menunjukkan bilangan penyumbang Skim Dana Wakaf menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan berdasarkan peringkat umur<sup>70</sup>.

<sup>69</sup> *Ibid.*

<sup>70</sup> *Ibid.*


**Rajah 4.8**  
**Penyumbang Skim Dana Wakaf Menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan Berdasarkan Peringkat Umur Bagi Tahun 2007-2009**



Sumber: Diubahsuai daripada Sistem Maklumat Bersepadu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan temubual dengan Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.

Manakala Rajah 4.9 menjelaskan mengenai jumlah kadar sumbangan yang kebiasaannya disumbangkan oleh para penyumbang Skim Dana Wakaf menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan.

**Rajah 4.9**  
**Kadar Sumbangan daripada Penyumbang Skim Dana Wakaf Menerusi Skim Potongan Gaji Bulanan Bagi Tahun 2007-2009**



Sumber: Diubahsuai daripada Sistem Maklumat Bersepadu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan temubual dengan Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 Mac 2010.


Berdasarkan Rajah 4.9, jumlah sumbangan yang kebiasaannya dikeluarkan adalah RM10 iaitu 317 orang, RM5 iaitu 201 orang dan RM20 iaitu 105 orang. Manakala

kadar sumbangan yang paling tinggi disumbangkan menerusi Skim potongan Gaji adalah RM100 dengan jumlah seramai 5 penyumbang.<sup>71</sup>

#### 4.5 Perancangan bagi meningkatkan Kutipan Skim Dana Wakaf

Jawatankuasa Skim Dana Wakaf juga telah membuat beberapa perancangan bagi meningkatkan mutu kecekapan pengurusan dan yang paling utama bagi mengumpul dan membeleng sumber-sumber yang berpotensi untuk menambahkan kutipan pada setiap tahun<sup>72</sup>. Antara perancangan bagi meningkatkan kutipan Skim Dana Wakaf seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4.10.

Rajah 4.10  
Perancangan Skim Dana Wakaf



Sumber: Diubahsuai daripada temubual dengan Ahmad Syah Firafizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 dan 31 Mac 2010.

Berdasarkan Rajah 4.10, Jawatankuasa Skim Dana Wakaf telah membuat perancangan bagi meluaskan rangkaian Skim Dana Wakaf. Antaranya adalah:

<sup>71</sup> *Ibid.*

<sup>72</sup> Ahmad Syah Firafizal, Temubual di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang pada pukul 10.00am, bertarikh 18 dan 31 Mac 2010

(a) Melantik agen kutipan

Jawatankuasa Skim Dana Wakaf telah bercadang untuk melantik sebanyak 200 agen atau wakil-wakil kutipan Skim Dana Wakaf di sekitar Pulau Pinang. Sasaran utama agen-agen yang dilantik ini terdiri daripada imam-imam, ahli-ahli jawatankuasa qariah dan ketua-ketua kampung di sekitar Pulau Pinang. Agen-agen ini berperanan untuk menjual kupon sumbangan Skim Dana Wakaf dengan kadar RM 5 sekeping resit di kawasan sekitar mereka. Sehubungan dengan itu, Jawatankuasa Skim Dana Wakaf telah menasaskan kutipan sebanyak RM 3 Juta menerusi kupon ini pada peringkat permulaan<sup>73</sup>.

(b) Melantik institusi Bank sebagai agen kutipan Skim Dana Wakaf

Perkhidmatan bayaran sumbangan Skim Dana Wakaf melalui perkhidmatan bank yang disediakan akan dapat menggalakan lebih ramai penyumbang memberi sumbangan wang kerana aplikasinya yang mudah dan cepat. Tambahan pula, penyumbang dapat melakukan transaksi melalui pelbagai saluran perkhidmatan perbankan yang meluas termasuk perbankan internet dan deposit wang tunai di Mesin Teler Automatik (ATM). Selain menyediakan saluran alternatif kepada penyumbang Skim Dana Wakaf untuk menyumbang, kerjasama menerusi perkhidmatan perbankan ini dapat menyediakan kemudahan kepada penyumbang baik membuat potongan secara terus daripada akaun simpanan mahupun mendepositkan wang tunai kepada akaun Skim Dana Wakaf. Bahkan, transaksi yang dijalankan di institusi perbankan adalah terjamin selamat, lebih mudah, cepat dan selesa. Tambahan pula, urusan perbankan menerusi capaian internet boleh dibuat di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa. Sehingga kini, siri rundingan dan perbincangan dengan pihak-pihak bank masih diteruskan bagi mencapai

---

<sup>73</sup> *Ibid.*



kata sepakat antara kedua-dua belah pihak. Antara kekangan yang cuba diatasi adalah bagi mengurangkan kadar caj perkhidmatan yang dikenakan oleh pihak bank<sup>74</sup>.

(c) Usahasama dengan Etiqa Takaful

Jawatankuasa Skim Dana Wakaf juga sedang berusaha mengadakan rundingan dengan Pihak Etiqa Takaful bagi melantik pihak Etiqa Takaful sebagai agen kutipan melalui perkhidmatan pelan insurans secara Islam. Menerusi pelan kerjasama ini, pelanggan Etiqa Takaful akan dapat menyumbang dalam Skim Dana Wakaf apabila melanggan produk Etiqa Takaful seperti Takaful Am mahupun Takaful Keluarga. Kaedah yang dicadangkan adalah pelanggan Etiqa Takaful yang mengambil skim tersebut secara automatik akan menyumbang RM5.00 dan ke atas dalam Skim Dana Wakaf melalui borang yang disediakan. Setelah menerima bayarana daripada pihak Etiqa Takaful, resit sumbangan Skim Dana Wakaf akan dikeluarkan dan dihantar kepada penyumbang<sup>75</sup>.

(d) Transaksi melalui laman web kerajaan Malaysia di <http://www.myeg.com/> dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Jawatankuasa Skim Dana Wakaf bercadang untuk menambah menu Skim Dana Wakaf dalam laman web kerajaan persekutuan dan kerajaan negeri. Langkah ini sebagai pemudah cara kepada pengguna untuk mendapatkan penerangan mahupun membuat sumbangan Skim Dana Wakaf melalui laman web tersebut<sup>76</sup>.

Sebahagian daripada perancangan tersebut telah cuba dilaksanakan, namun masih mempunyai beberapa halangan. Walaubagaimanapun, MAINPP sedang berusaha

---

<sup>74</sup> *Ibid.*

<sup>75</sup> *Ibid.*


<sup>76</sup> *Ibid.*

dengan bersungguh-sungguh agar segala halangan dapat diselesaikan dan perancangan dapat dilaksanakan dengan baik demi kemaslahatan umat<sup>77</sup>.

#### 4.6 Sistem Agihan Skim Dana Wakaf

Matlamat asal penubuhan Skim Dana Wakaf adalah bagi meluaskan saluran kebajikan kepada umat Islam untuk menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang. Justeru itu, dana yang dikumpul akan dimanfaatkan atau diagihkan dengan menukarkannya kepada aset wakaf yang berbentuk kekal bagi memelihara prinsip wakaf. Antara lain, agihan ini diperuntukan untuk tujuan seperti ditunjukkan dalam Rajah 4.11<sup>78</sup>.

Rajah 4.11  
Agihan Skim Dana Wakaf



Sumber: Diubahsuai daripada temubual dengan Ahmad Syah Firaizal, Pengurus Skim Dana Wakaf di Pejabat Pengurus Skim Dana Wakaf, Tingkat 9, MAINPP pada pukul 10.00am, bertarikh 18 dan 31 Mac 2010.

<sup>77</sup> *Ibid.*

<sup>78</sup> *Ibid.*

Selanjutnya perbincangan mengenai peranan Skim Dana Wakaf akan dibincangkan dalam bab seterusnya bagi menjelaskan dapatan kajian dan menganalisa peranannya dalam membangunkan ekonomi masyarakat Islam di Pulau Pinang.

#### **4.7 Kesimpulan**

Jawatankuasa Skim Dana Wakaf yang ditubuhkan oleh MAINPP telah diuruskan dengan baik. Walaupun masih kekurangan tenaga kerja, Skim Dana Wakaf telah mencatatkan kutipan Skim Dana Wakaf yang semakin meningkat. Di samping itu, usaha-usaha meluaskan kemudahan kepada pewakaf sedang digiat dilakukan bagi mengiatkan jumlah kutipan dari masa ke semasa.